



TIPS CEGAH JANGKITAN

- Elak kontak dengan material yang ada kontak dengan haiwan sakit.
- Elak kontak haiwan (sama ada sakit atau mati) yang boleh dijangkiti virus (haiwan yang dilaporkan kes cacar monyet)
- Asingkan individu ada infeksi, yang mempunyai risiko untuk menjangkiti orang lain.
- Praktik kebersihan tangan selepas ada kontak haiwan atau manusia. Contohnya, membasuh tangan dengan sabun dan air atau *sanitizer*.
- Vaksin dikenali sebagai Imvamune atau Imvanex sejenis vaksin hidup yang dilemahkan, adalah diluluskan untuk kegunaan pencegahan cacar monyet.



RUAM juga boleh didapati di tempat yang sukar dilihat, termasuk mulut, tekak, kemaluan, faraj dan kawasan dubur.

Cacar monyet: Wanita hamil berisiko dijangkiti

Oleh **HALINA MD. NOOR**
gayautusan@mediamulia.com

PENYAKIT cacar monyet yang mulai menganas sejak Mei lalu, kini semakin cenderung menunjukkan corak jangkitan dalam kalangan lelaki yang mengamalkan hubungan kelamin sesama jenis.

Ia dibuktikan dengan Laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) baru-baru ini, mendedahkan hampir semua pesakit terjejas

setakat ini adalah lelaki lingkungan usia 37 tahun, dengan tiga daripada lima pesakit dikenal pasti sebagai lelaki yang melakukan hubungan seks dengan lelaki.

Menerusi laporan situasi dwi-mingguan pertama mengenai cacar monyet, WHO, data jantina tersedia pada 4,406 kes, mendapati 99.5 peratus adalah lelaki. Antara kes dengan orientasi seksual dilaporkan, 60 peratus (1,214 daripada 2,025) dikenal pasti sebagai gay, biseksual dan lelaki lain yang melakukan hubungan seks dengan lelaki dan 41 peratus

(335 daripada 827) kes dengan status positif HIV.

Apakah ini petanda satu lagi penyakit menyerupai HIV/Aids, yang virusnya berpunca dari haiwan seperti monyet, tersebar menerusi hubungan sesama jenis yang awalnya dikesan di benua sama iaitu Afrika?

Pensyarah Kanan, Makmal Parasitologi, Jabatan Patologi dan Mikrobiologi Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia, Dr. Nur Mahiza Md. Isa berkata, cacar monyet adalah penyakit zoonotik disebabkan oleh virus cacar monyet dari genus *Orthpoxvirus*, keluarga

Poxviridae, yang dijumpai pada 1958, dari monyet penyelidikan yang terkena wabak seperti cacar.

“Mengikut agensi CDC, tidak jelas bagaimana manusia terdedah kepada cacar monyet, tetapi data awal menunjukkan kegiatan seperti seperti gay, biseksual dan hubungan kelamin lelaki dan lelaki menjadikan peningkatan bilangan kes cacar monyet. Bagaimanapun, sesiapa yang ada kontak rapat dengan seseorang yang terkena cacar monyet adalah orang yang berisiko.

“Cacar monyet boleh tersebar apabila seseorang



HAMPIR semua pesakit terjejas setakat ini adalah lelaki lingkungan usia 37 tahun dengan tiga daripada lima pesakit dikenal pasti sebagai lelaki yang melakukan hubungan seks dengan lelaki. - GAMBAR HIASAN



WANITA hamil boleh menjangkiti fetus kerana virus boleh merentas dari plasenta atau uri kepada janin. Satu kes wanita hamil sudah dikesan di AS baru-baru ini.